

RHS 509 : DISERTASI

PERANCANGAN TADIKA DI KAWASAN PERUMAHAN BARU

KAJIAN KES : BANDAR BARU SERI MANJUNG,

PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh :

MUHAMAD ASRI BIN ABDULLAH KAMAR

Diajukan kepada :

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Universiti Sains Malaysia

Untuk memenuhi syarat-syarat bagi mendapatkan gelaran

Sarjana Sains Perumahan

Februari 2002

715081

FLB 325
K5A843
2002

PERAKUAN

Disertasi ini disampaikan dalam kajian ilmiah bagi memenuhi syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Perumahan Universiti Sains Malaysia.

Disertasi ini belum pernah diserahkan dan diterima samada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi memenuhi sebarang ijazah dan tidak pernah dikemukakan untuk mana-mana ijazah lain.

Muhamad Asri bin Abdullah Kamar

Disahkan

Prof. Madya Haji Abdul Hadi Endut

Penyelia Utama

Disahkan oleh :

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Malaysia

Februari 2002

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan projek penyelidikan ini yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Sains Perumahan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan iaitu Prof. Madya Haji Abdul Hadi Endut dan Dr. Kausar Haji Ali yang telah memberi bimbingan dan panduan berguna bagi melaksanakan projek penyelidikan ini dari mula hingga akhir.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pegawai dan kakitangan di Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Perak, pertubuhan-pertubuhan sukarela, pihak swasta dan sebagainya yang telah memberi maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan projek penyelidikan ini.

Tidak lupa juga kepada Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak dan semua rakan pensyarah di atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan selama menyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat ibubapa, anggota keluarga dan sanak-saudara yang sentiasa memahami dan berkorban selama tempoh pengajian ini.

ABSTRAK

Pendidikan prasekolah merupakan asas pendidikan kanak-kanak yang boleh mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak pada masa hadapan. Bagi mewujudkan pendidikan prasekolah yang baik, pusat pendidikan prasekolah iaitu tadika perlu disediakan dengan berkesan. Walau bagaimanapun, perancangan dan penyediaan tadika di kawasan perumahan baru didapati tidak berkesan dan mewujudkan pelbagai masalah seperti bilangan dan lokasi tadika yang tidak terancang, bilangan kanak-kanak yang ramai di tadika, keluasan lot tadika yang sempit dan kekurangan penyediaan alat permainan di lot tadika.

Bagi melihat isu dan masalah tersebut dengan lebih jelas, kajian telah dibuat di Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan. Bandar Baru Seri Manjung dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia merupakan kawasan perumahan baru yang luas iaitu kira-kira 1080 ekar, mempunyai pelbagai jenis gunatanah dan pelbagai jenis tadika serta wujud isu dan masalah tadika yang tidak terancang. Bagi menjalankan kajian tersebut, terdapat lima peringkat kajian telah dilalui iaitu kajian awalan, kajian teoritikal, pengumpulan maklumat, analisis dan penemuan serta cadangan. Kajian awalan dibuat bagi membantu pengkaji mendapatkan pemahaman awal tentang kajian yang hendak dijalankan. Setelah itu, kajian teoritikal dibuat meliputi teori dan piawaian perancangan tadika di unit kejuruan dan latarbelakang pendidikan prasekolah.

Peringkat pengumpulan maklumat melibatkan data primer dan data sekunder. Data primer dikumpul melalui dua kaedah iaitu kaedah pemerhatian dan soalselidik responden. Kaedah pemerhatian meliputi bilangan tadika, bilangan kanak-kanak di tadika, lokasi dan jarak tadika serta keadaan fizikal tadika. Manakala soalselidik responden dibuat ke atas guru tadika dan penduduk. Soalselidik guru tadika melibatkan semua guru tadika bagi mendapatkan maklumat asas tentang tadika. Soalselidik penduduk pula melibatkan seramai 120 orang responden yang dipilih secara persampelan berkelompok (*cluster sampling*) mengikut 15 buah tadika dan persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) di tadika tersebut. Soalselidik penduduk bertujuan mendapatkan maklumat latarbelakang sosioekonomi, pendapat dan cadangan penduduk bagi mewujudkan tadika berkesan di kawasan kajian. Data sekunder pula dikumpul daripada sumber terbitan pelbagai agensi kerajaan seperti laporan dan lain-lain.

Setelah itu, analisis dibuat menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Hasil daripada kajian tersebut, didapati kawasan kajian mempunyai masalah bilangan tadika yang tidak mencukupi, lokasi tadika yang tidak terancang, bilangan kanak-kanak yang ramai di tadika, keluasan lot tadika yang sempit dan kekurangan penyediaan alat permainan di lot tadika.

Berdasarkan penemuan tersebut, beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak yang terlibat merancang dan menyediakan tadika di kawasan kajian seperti Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Perak, pertubuhan-pertubuhan sukarela, pihak swasta dan sebagainya. Melalui cadangan tersebut, perancangan dan penyediaan tadika yang berkesan di kawasan kajian dapat diwujudkan pada masa akan datang.

ABSTRACT

Preschool education is the foundation of the children education, which can influence their future growth and development. In order to provide good preschool education, a preschool education center or kindergarten should be provided effectively. Nevertheless, the planning and provisions of the kindergarten in the new housing schemes are not effective. It may generate many problems such as, insufficient in number and unplanned location, overcrowding of children, insufficient space and lack of playing equipments within the kindergarten.

To get a clear picture of issue and problems related to kindergarten, a study has been carried out at Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan. Bandar Baru Seri Manjung is selected as a study area because it is a new and large housing scheme, occupying an area about 1080 acres. It has varieties of landuses and kindergartens issue on unplanned kindergartens. The study involves five stages consisting of preliminary study, theoretical study, information gathering, analysis and finding and solutions. Preliminary study is carried out to give a clear picture of the topic. Then, theoretical study, which involves the theory and planning standards of kindergarten at the neighborhood unit and the background of preschool education, has been carried out.

The gathering information stage involves primary and secondary data. Primary data are gathered through two methods consisting of observation and respondent opinion survey. The observation includes the number of kindergartens and children at kindergartens, the location and distance of kindergartens and the physical condition of the kindergartens. The respondent opinion survey involves the kindergartens teachers and the resident. The kindergartens teachers survey involves all the kindergartens teachers to get the basic information about the kindergartens. The resident opinion survey involves 120 respondents selected by cluster sampling according to 15 kindergartens and simple random sampling for each kindergarten. The purpose of resident opinion survey is to get the socioeconomic background information, their opinions and proposals to provide an effective kindergarten at the study area. Besides, the secondary data gathered from the resources published by various government agencies such as reports and so forth.

Then, analysis is carried out by using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The study found that the study area faces the problems such as the lack of kindergartens, the unplanned location of kindergarten, overcrowding of children at the kindergarten, the insufficient space of kindergarten and lack of playing equipments at the kindergarten.

Based on the findings, solutions have been formulated to the various parties, which are responsible in planning and providing the kindergartens within the study area such as 'Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Perak', the non-governmental organizations, private parties and so forth. Through those solutions, the planning and provision of kindergarten can effectively be made at the study area in the future.

SENARAI ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
Penghargaan	i
Abstrak	ii
<i>Abstract</i>	iii
Senarai Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi
Senarai Foto	xiii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Isu dan Masalah Tadika di Kawasan Perumahan Baru	3
1.3	Kepentingan Kajian	5
1.4	Latarbelakang Kawasan Kajian	7
	1.4.1 Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian	11
1.5	Matlamat Kajian	12
1.6	Objektif Kajian	12
1.7	Skop Kajian	13
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Kaedah Kajian	17

1.10	Carta Alir Kajian	25
------	-------------------	----

BAB 2 : TEORI DAN PIAWAIAN PERANCANGAN TADIKA DI UNIT KEJIRANAN

2.1	Pengenalan	26
2.2	Definisi Piawaian Perancangan Tadika	26
2.3	Definisi Unit Kejiranan	28
2.4	Teori Perancangan Tadika di Unit Kejiranan	29
2.4.1	Unit Kejiranan Clarence Perry	29
2.4.2	Unit Kejiranan Clarence Stein	30
2.4.3	Unit Kejiranan N. L. Englehardt, Jr.	31
2.4.4	Unit Kejiranan Jose Sert	32
2.5	Piawaian Perancangan Tadika	34
2.6	Garis panduan Penyediaan Tadika di Kawasan Perumahan	35
2.7	Persekitaran Tadika	37
2.8	Dasar Majlis Perbandaran Manjung Berkaitan Tadika di Kawasan Kajian	38

BAB 3 : LATARBELAKANG PENDIDIKAN PRASEKOLAH

3.1	Pengenalan	39
3.2	Sejarah Pendidikan Prasekolah di Malaysia	39

3.3	Jenis Tadika	40
3.4	Pihak yang Terlibat Menyediakan Tadika	42
3.5	Peranan Pendidikan Prasekolah	44
3.6	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	45
3.7	Kurikulum Pendidikan Prasekolah	45
3.8	Matlamat dan Objektif Am Pendidikan Prasekolah	46
3.9	Pendekatan dan Pengelolaan Pengajaran dan Pembelajaran	47
3.10	Susunan Aktiviti Harian	49
3.11	Bahan Kurikulum	50
3.12	Pengurusan Ruang Pengajaran dan Pembelajaran	53

BAB 4 : ANALISIS DAN PENEMUAN

4.1	Pengenalan	55
4.2	Latarbelakang Tadika	56
	4.2.1 Tadika Kerajaan dan Separa Kerajaan	56
	4.2.2 Tadika Swasta	58
	4.2.3 Tadika Pertubuhan Sukarela	60
4.3	Tahap Penyediaan Tadika	61
	4.3.1 Bilangan Tadika	62
	4.3.2 Bilangan Kanak-kanak di Tadika	66
	4.3.3 Lokasi dan Jarak antara Tadika dengan Rumah	68
	4.3.4 Keadaan Fizikal Tadika	75

4.4	Analisis Terhadap Penduduk	81
4.4.1	Latarbelakang Sosioekonomi Penduduk	81
4.4.2	Pendapat Penduduk Terhadap Tahap Penyediaan Tadika Sedia Ada	84
4.4.3	Cadangan Tadika Berkesan dari Perspektif Penduduk	87
4.5	Penemuan	89
4.5.1	Latarbelakang Tadika	89
4.5.2	Tahap Penyediaan Tadika	89
4.5.3	Soalselidik Penduduk	93

BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	98
5.2	Cadangan Tadika Berkesan di Kawasan Kajian	99
5.2.1	Tahap Penyediaan Tadika	99
5.2.2	Pendapat dan Cadangan Penduduk	107
5.3	Kesimpulan	108

RUJUKAN

LAMPIRAN

I	Borang Soalselidik
---	--------------------

II Foto Tadika di Kawasan Kajian

III Keratan Akhbar

SENARAI JADUAL

NOMBOR	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Peruntukan Pembangunan Pendidikan Prasekolah Awam, 1996-2005	2
1.2	Enrolmen Kanak-kanak di Pusat Prasekolah Awam, 1995-2005	5
1.3	Gunatanah Kawasan Kajian	11
3.1	Contoh Susunan Aktiviti Harian	50
3.2	Alat Permainan untuk Pusat Prasekolah	52
4.1	Bilangan Kanak-kanak, Bilik Darjah dan Kelas di Tadika Kerajaan dan Separa Kerajaan	58
4.2	Bilangan Kanak-kanak, Bilik Darjah dan Kelas di Tadika Swasta	59
4.3	Bilangan Kanak-kanak, Bilik Darjah dan Kelas di Tadika Pertubuhan Sukarela	61
4.4	Bilangan Tadika Mengikut Kategori	62
4.5	Bilangan Sebenar Tadika Mengikut Bilangan Kanak-kanak Maksimum	65
4.6	Lokasi Tadika Mengikut Komponen Gunatanah	70
4.7	Bilangan Tadika Mengikut Unit Kejiranan Ideal	63
4.8	Keluasan Lot Tadika Mengikut Jenis	76
4.9	Penyediaan Alat Permainan Mengikut Jenis Tadika	80

SENARAI RAJAH

NOMBOR	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Pelan Kunci	8
1.2	Pelan Lokasi	9
1.3	Pelan Kawasan Kajian	10
2.1	Unit Kejiranan Clarence Perry	30
2.2	Unit Kejiranan Clarence Stein	31
2.3	Unit Kejiranan N. L. Englehardt, Jr.	32
2.4	Unit Kejiranan Jose Sert	33
2.5	Jarak antara Rumah dan Tadika	33
2.6	Jarak dan Lokasi antara Tadika dan Kawasan Kediaman	34
4.1	Bilangan Kanak-kanak di Tadika	66
4.2	Nisbah antara Kanak-kanak dan Kelas di Tadika	67
4.3	Taburan Lokasi Tadika Mengikut Komponen Gunatanah	69
4.4	Lokasi Tadika Mengikut Unit Kejiranan yang Ideal	73
4.5	Perbandingan antara Lokasi Tadika Sedia Ada dan Lokasi Tadika Ideal	74
4.6	Bangsa Penduduk	82
4.7	Struktur Umur Penduduk	83
4.8	Pendapatan Bulanan Isirumah Penduduk	84

4.9	Jarak antara Rumah dan Tadika	85
4.10	Masa Perjalanan antara Rumah dan Tadika	86
4.11	Mod Pengangkutan ke Tadika	86
4.12	Cadangan Keadaan Fizikal Tadika	88
4.13	Cadangan Tadika Mengikut Pilihan Penduduk	88
5.1	Cadangan Lokasi Tadika di Unit Kejiranan	101

SENARAI FOTO

NOMBOR	TAJUK	MUKASURAT
4.1	Tadika Islam Anis	77
4.2	PASTI Al-Hidayah	77

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan faktor penting bagi membangunkan negara. Melalui pendidikan yang mencukupi, pencapaian kesejahteraan diri, sumbangan kepada keharmonian masyarakat dan kemakmuran negara dapat dicapai. Kerajaan sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Menurut Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) (2001), peruntukan pembangunan untuk program pendidikan dan latihan dalam tempoh rancangan merupakan 20.6% daripada jumlah peruntukan pembangunan.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 1998, terdapat 4 peringkat utama pendidikan iaitu pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Pendidikan prasekolah disediakan untuk kanak-kanak berumur antara 4 hingga 6 tahun, pendidikan rendah untuk kanak-kanak berumur antara 7 hingga 12 tahun, pendidikan menengah untuk remaja berumur antara 13 hingga 17 tahun dan pendidikan tinggi untuk pelajar berumur 18 tahun dan ke atas.

Pendidikan prasekolah penting kerana ia merupakan asas pendidikan kanak-kanak yang boleh mempengaruhi perkembangan dan pembelajaran pada masa hadapan.

Pendidikan prasekolah merupakan peringkat formatif dalam perkembangan kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun (Mohd Najib Abdul Razak dalam Garispanduan Kurikulum Prasekolah, 1998). Melalui pendidikan prasekolah, perkembangan kanak-kanak dari segi jasmani, akal, emosi, rohani dan sosial dapat disuburkan. Ini kerana kanak-kanak didorong supaya berfikir, meningkatkan kreativiti dan membina akhlak yang baik. Ia bertujuan membekalkan kanak-kanak dengan asas persediaan untuk pendidikan formal pada peringkat sekolah rendah.

Menurut RMKe-8, (2001), peruntukan pembangunan untuk pendidikan prasekolah awam ialah sebanyak RM 147.4 juta (*rujuk Jadual 1.0*).

Jadual 1.1 : Peruntukan Pembangunan Pendidikan Prasekolah Awam, 1996-2005

Tempoh	Rancangan Malaysia Ketujuh	Rancangan Malaysia Kelapan
Peruntukan (RM juta)	123.6	147.4
Perbelanjaan (RM juta)	107.5	-

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, 2001

Walaupun terdapat banyak peruntukan kewangan dan pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan bagi mewujudkan tadika yang baik, namun terdapat isu penyediaan tadika yang kurang berkesan terutama di kawasan perumahan baru. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai masalah seperti bilangan dan lokasi tadika yang tidak terancang, bilangan kanak-kanak yang ramai di tadika,

keluasan lot tadika yang sempit dan kekurangan penyediaan alat permainan di lot tadika.

1.2 Isu dan Masalah Tadika di Kawasan Perumahan Baru

Penyediaan Tadika yang Kurang Berkesan

Isu penyediaan tadika di kawasan perumahan baru yang kurang berkesan telah mewujudkan beberapa masalah seperti bilangan dan lokasi tadika yang tidak terancang, bilangan kanak-kanak yang ramai di tadika, keluasan lot tadika yang sempit dan kekurangan penyediaan alat permainan di lot tadika.

i. Bilangan dan Lokasi Tadika yang Tidak Terancang

Bilangan dan lokasi tadika di kawasan perumahan baru didapati tidak terancang. Ini kerana terdapat kawasan perumahan yang mempunyai bilangan tadika yang tidak mencukupi. Terdapat juga kawasan perumahan yang mempunyai bilangan tadika yang berlebihan.

Taburan lokasi tadika di kawasan perumahan baru didapati tidak seimbang. Ini kerana terdapat tadika yang bertumpu di sesuatu kawasan sahaja dan menyebabkan kawasan tertentu tidak mempunyai tadika. Bagi kawasan yang tidak

mempunyai tadika, ia menimbulkan masalah kepada ibubapa untuk menghantar anak-anak ke tadika. Ini kerana ibubapa terpaksa membuat perjalanan yang agak jauh untuk menghantar anak-anak ke tadika.

ii. Bilangan Kanak-kanak yang Ramai di Tadika

Kebanyakan tadika di kawasan perumahan baru mempunyai bilangan kanak-kanak yang ramai. Ini menyebabkan tadika menjadi sesak dan tidak selesa untuk tujuan pembelajaran. Keadaan ini bercanggah dengan objektif pendidikan prasekolah yang ingin mendorong perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat dan minat kanak-kanak semasa mereka berada di tadika.

iii. Keluasan Lot Tadika yang Sempit

Keluasan lot tadika di kawasan perumahan baru didapati sempit. Ini kerana tadika tersebut terletak di lot sudut (*corner lot*) rumah teres yang bersaiz kecil iaitu kira-kira 2800 kaki persegi. Keluasan lot tadika menjadi lebih sempit apabila ia terletak di lot tengah rumah teres iaitu kira-kira 1400 kaki persegi. Ini menyebabkan suasana pengajaran dan pembelajaran di tadika menjadi tidak selesa.

iv. Kekurangan Penyediaan Alat Permainan di Lot Tadika

Kekurangan penyediaan alat permainan di lot tadika wujud ekoran daripada keluasan lot tadika yang sempit. Malah terdapat tadika yang tidak menyediakan sebarang alat permainan. Keadaan ini perlu dielakkan kerana alat permainan memberi peluang kepada kanak-kanak bermain. Melalui permainan, kanak-kanak dapat mengukuhkan koordinasi motor, meneroka dan menjelajah bidang pengetahuan dan pengalaman baru, membina keyakinan diri dan menjalin hubungan mesra dengan rakan sebaya (Mohd Najib Abdul Razak dalam Garispanduan Kurikulum Prasekolah, 1998).

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilaksanakan kerana faktor-faktor berikut :

i. Enrolmen Kanak-kanak yang Meningkat

Pada peringkat pendidikan prasekolah, sejumlah 399,980 orang kanak-kanak (63.7%) dalam kumpulan umur 4 hingga 6 tahun telah mendaftar di pusat prasekolah awam pada tahun 2000 (RMKe-8, 2001). Jumlah tersebut dijangka meningkat sehingga 549,000 orang pada tahun 2005 (*rujuk Jadual 1.2*).

Jadual 1.2 : Enrolmen Kanak-kanak di Pusat Prasekolah Awam, 1995-2005

Tahun	1995	2000	2005
Bilangan Pelajar (orang)	253,675	399,980	549,000
Peratus (%)	5.1	7.0	8.4

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, 2001

Enrolmen kanak-kanak yang meningkat tersebut memerlukan penyediaan tadika yang berkesan terutama di kawasan perumahan baru pada masa akan datang.

ii. Menyediakan Tadika yang Berkesan

Penyediaan tadika yang berkesan perlu diwujudkan di kawasan perumahan baru agar proses pengajaran dan pembelajaran di tadika dapat diberikan dengan baik kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun. Ini kerana peringkat umur tersebut merupakan peringkat paling kritikal kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, sosial dan proses pembangunan kognitif (KPM, 1998).


Bagi membantu perkembangan kanak-kanak secara sihat, penyediaan tadika yang baik perlu diwujudkan. Ini kerana tadika memainkan peranan penting bagi menyediakan pendidikan prasekolah sebelum kanak-kanak melangkah ke alam persekolahan. Oleh itu, penyediaan tadika dari segi bilangan dan lokasi perlu mengambilkira pertimbangan teori dan piawaian perancangan tadika

yang baik. Keluasan lot tadika juga perlu selesa bagi menampung bilangan kanak-kanak yang ramai dan penyediaan alat permainan yang mencukupi.

1.4 Latarbelakang Kawasan Kajian


Kawasan kajian yang dipilih bagi menjalankan kajian perancangan tadika di kawasan perumahan baru ialah Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan. Ia terletak kira-kira 45 kilometer dari Bandaraya Ipoh, 7 kilometer dari Bandar Maritim Lumut dan 4 kilometer dari Bandar Sitiawan (*rujuk Rajah 1.1 : Pelan Kunci dan Rajah 1.2 : Pelan Lokasi*). Jalan utama yang menghubungkan kawasan kajian dengan kawasan sekitar ialah Lebuhraya Ipoh - Lumut. Kawasan kajian mempunyai keluasan kira-kira 1080 ekar (*rujuk Rajah 1.3 : Pelan Kawasan Kajian*). Kawasan kajian mula dibangunkan mengikut fasa-fasa pembangunan sejak tahun 1981 (Majlis Perbandaran Manjung (MPM), 2002).

Kawasan kajian merupakan pembangunan bercampur (*mixed development*) yang terdiri daripada pelbagai gunatanah. Gunatanah kawasan kajian yang paling luas ialah perumahan iaitu kira-kira 436.91 ekar (*rujuk Jadual 1.3 : Gunatanah Kawasan Kajian*). Ia diikuti oleh gunatanah institusi kerajaan dan swasta, utiliti dan infrastruktur, perniagaan dan perindustrian. Bilangan penduduk di kawasan kajian ialah kira-kira 17,755 orang (Rancangan Struktur Lumut - Seri Manjung, 2000).



Rajah 1.1 : Pelan Kunci

Petunjuk :

 Kawasan Kajian


Perancangan Tadika di Kawasan Perumahan Baru
Kajian Kes : Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan

Sarjana Sains Perumahan (2001/2002)

Sumber : Rancangan Tempatan Lumut-Seri Manjung 1998-2010 (1998)




Tidak Mengikut Skala



Rajah 1.2 : Pelan Lokasi


Petunjuk :

 Kawasan Kajian

Perancangan Tadika di Kawasan Perumahan Baru
Kajian Kes : Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan

Sarjana Sains Perumahan (2001/2002)

Sumber : Rancangan Tempatan Lumut-Seri Manjung 1998-2010 (1998)



Rajah 1.3 : Pelan Kawasan Kajian

Petunjuk :

Kawasan Kajian

Perancangan Tadika di Kawasan Perumahan Baru
 Kajian Kes : Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan
 Sarjana Sains Perumahan (2001/2002)

Sumber : Rancangan Tempatan Lumut-Seri Manjung 1998-2010, 1998

Jadual 1.3 : Gunatanah Kawasan Kajian

Komponen Gunatanah	Keluasan (ekar)	Peratus (%)
i. Perumahan	436.91	40.45
ii. Perniagaan	111.65	10.34
iii. Perindustrian	60.11	5.57
iv. Institusi Kerajaan/Swasta	274.56	25.42
v. Utiliti/Infrastruktur	196.77	18.22
Jumlah	1080.00	100.00

Sumber : Majlis Perbandaran Manjung, 2001

1.4.1 Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian

Bandar Baru Seri Manjung dipilih sebagai kawasan kajian kerana :

- i. ia merupakan sebuah kawasan perumahan baru yang luas iaitu kira-kira 1080 ekar. Ia dibangunkan berkonsep *self contain housing scheme* dan mempunyai kepelbagaian komposisi gunatanah seperti perumahan, perniagaan, perindustrian, institusi kerajaan dan swasta serta utiliti dan infrastruktur.
- ii. terdapat bilangan tadika yang banyak iaitu 15 buah dan terletak secara berselerak di kawasan kajian.
- iii. terdapat pelbagai jenis tadika yang terdiri daripada tadika kerajaan dan separa kerajaan, tadika swasta dan tadika pertubuhan sukarela.
- iv. wujud isu penyediaan tadika yang kurang berkesan di kawasan kajian. Isu tersebut telah menimbulkan masalah seperti bilangan dan lokasi tadika yang

tidak terancang, bilangan kanak-kanak yang ramai di tadika, keluasan lot tadika yang sempit dan kekurangan penyediaan alat permainan di lot tadika.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, pengkaji berpendapat Bandar Baru Seri Manjung sesuai dijadikan sebagai kawasan kajian untuk kajian perancangan tadika di kawasan perumahan baru.

1.5 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini ialah untuk mewujudkan penyediaan tadika yang berkesan di kawasan kajian pada masa akan datang.

1.6 Objektif Kajian

Bagi mencapai matlamat kajian di atas, beberapa objektif kajian dibentuk seperti berikut :

- i. mengkaji teori dan piawaian perancangan tadika di unit kejuranan.
- ii. mengkaji latarbelakang pendidikan prasekolah.
- iii. mengkaji tahap penyediaan tadika di kawasan kajian dari segi :
 - a. bilangan tadika.
 - b. bilangan kanak-kanak di tadika.

- c. lokasi tadika dan jarak antara tadika dengan rumah.
- d. keadaan fizikal tadika yang meliputi keluasan lot tadika dan penyediaan alat permainan di lot tadika.
- iv. mengkaji latarbelakang sosioekonomi penduduk kawasan kajian.
- v. mengemukakan cadangan penyediaan tadika yang berkesan di kawasan kajian pada masa akan datang.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian meliputi :

i. Semua Jenis Tadika di Kawasan Kajian

Kajian dibuat terhadap semua (tiga) jenis tadika di kawasan kajian yang terdiri daripada 15 buah. Ia meliputi :

- i. 4 buah tadika kerajaan dan separa kerajaan.
- ii. 5 buah tadika swasta.
- iii. 6 buah tadika pertubuhan sukarela.

ii. Teori dan Piawaian Perancangan Tadika di Unit Kejiranan

Kajian teoritikal ini meliputi :

- i. definisi piawaian perancangan tadika.
- ii. definisi unit kejuranan.
- iii. teori perancangan tadika di unit kejuranan.
- iv. piawaian perancangan tadika.
- v. garis panduan penyediaan tadika di kawasan perumahan.
- vi. persekitaran tadika.
- vii. dasar Majlis Perbandaran Manjung berkaitan tadika di kawasan kajian.

iii. Latarbelakang Pendidikan Prasekolah

Kajian teoritikal ini meliputi :

- i. sejarah pendidikan prasekolah di Malaysia.
- ii. jenis tadika.
- iii. pihak yang terlibat menyediakan tadika.
- iv. peranan pendidikan prasekolah.
- v. Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- vi. kurikulum prasekolah.
- vii. matlamat dan objektif am pendidikan prasekolah.
- viii. pendekatan dan penyediaan pengajaran dan pembelajaran.
- ix. susunan aktiviti harian.
- x. bahan kurikulum.
- xi. pengurusan ruang pengajaran dan pembelajaran.

iv. Tahap Penyediaan Tadika di Kawasan Kajian

Kajian tahap penyediaan tadika di kawasan kajian dibuat semasa lawatan tapak. Kajian tersebut tertumpu kepada :

- i. bilangan tadika.
- ii. bilangan kanak-kanak di tadika.
- iii. lokasi tadika dan jarak antara tadika dengan rumah.
- iv. keadaan fizikal tadika yang meliputi keluasan lot tadika dan penyediaan alat permainan di lot tadika.

v. Latarbelakang Sosioekonomi, Pendapatan dan Cadangan Penduduk

Kajian latarbelakang sosioekonomi, pendapat dan cadangan penduduk dibuat berdasarkan kedapatan maklumat soalselidik. Ia meliputi :

- i. bangsa dan agama.
- ii. umur dan bilangan anak.
- iii. tahap pendidikan tertinggi, kumpulan pekerjaan dan pendapatan bulanan isirumah.
- iv. pendapat dan cadangan penduduk.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan seperti berikut :

- i. Kajian ini hanya melihat dari aspek :
 - a. bilangan tadika.
 - b. bilangan kanak-kanak di tadika.
 - c. lokasi tadika dan jarak antara tadika dengan rumah.
 - d. keadaan fizikal tadika yang meliputi keluasan lot tadika dan penyediaan alat permainan di lot tadika.

- ii. Kajian ini tidak melibatkan aspek lain seperti :
 - a. ruang dalaman bangunan yang dijadikan tadika.
 - b. kurikulum yang digunapakai di tadika.
 - c. kelayakan guru tadika.
 - d. kebajikan guru tadika.

Perincian kajian tadika dari aspek tersebut wajar disusuli dengan kajian lanjutan pada masa akan datang.

1.9 Kaedah Kajian

Kaedah kajian terbahagi kepada 5 peringkat utama iaitu kajian awalan, kajian teoritikal, pengumpulan maklumat, analisis dan penemuan serta cadangan seperti berikut :

i. Kajian Awalan

Kajian awalan merupakan peringkat pemahaman awal isu dan masalah penyediaan tadika di kawasan perumahan secara umum. Bagi mengkaji masalah penyediaan tadika di kawasan perumahan dengan lebih lanjut, pemilihan kawasan kajian dibuat iaitu Bandar Baru Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan.

Kajian awalan dibuat dengan merujuk kepada Rancangan Struktur Seri Manjung – Sitiawan (1998 – 2010), Rancangan Tempatan Seri Manjung – Sitiawan (1998 – 2010), laporan akhbar, artikel daripada internet, laporan tahunan pihak berwajib, kertas seminar, temubual dan tinjauan di kawasan kajian. Seterusnya, matlamat, objektif, skop kajian, batasan kajian dan kaedah kajian dibentuk bagi membina halatuju kajian yang jelas pada peringkat seterusnya.

ii. Kajian Teoritikal

Kajian teoritikal terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu :

- i. teori dan piawaian perancangan tadika di unit kejranaan.
- ii. latarbelakang pendidikan prasekolah.

Kajian teori dan piawaian perancangan tadika di unit kejranaan meliputi :

- i. definisi piawaian perancangan tadika.
- ii. definisi unit kejranaan.
- iii. teori perancangan tadika di unit kejranaan.
- iv. piawaian perancangan tadika.
- v. garispuanduian penyediaan tadika di kawasan perumahan.
- vi. persekitaran tadika.
- vii. dasar Majlis Perbandaran Manjung berkaitan tadika di kawasan kajian.

Manakala kajian latarbelakang pendidikan prasekolah merangkumi :

- i. sejarah pendidikan prasekolah di Malaysia.
- ii. jenis tadika.
- iii. pihak yang terlibat menyediakan tadika.
- iv. peranan pendidikan prasekolah.
- v. Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- vi. kurikulum prasekolah.
- vii. matlamat dan objektif am pendidikan prasekolah.

- viii. pendekatan dan penyediaan pengajaran dan pembelajaran.
- ix. susunan aktiviti harian.
- x. bahan kurikulum.
- xi. pengurusan ruang pengajaran dan pembelajaran.

iii. Pengumpulan Maklumat

Pengumpulan maklumat meliputi data primer dan data sekunder.

a. Data Primer

Data primer dikumpul melalui 2 kaedah iaitu :

- i. kaedah pemerhatian di kawasan kajian.
- ii. soalselidik responden.

i. Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian di kawasan kajian dibuat semasa lawatan tapak di samping merujuk Pelan Induk Pembangunan Bandar Baru Seri Manjung. Pemerhatian dibuat ke atas aspek :

- i. bilangan tadika.
- ii. bilangan kanak-kanak di tadika.
- iii. lokasi tadika dan jarak antara tadika dengan rumah.

vi. keadaan fizikal tadika yang meliputi keluasan lot tadika dan penyediaan alat permainan di lot tadika.

ii. Soalselidik Responden

Soalselidik responden melibatkan guru tadika dan penduduk kawasan kajian.

a. Guru Tadika

Soalselidik guru tadika bertujuan untuk mengumpul maklumat latarbelakang tadika seperti :

- i. bilangan kanak-kanak.
- ii. bilangan bilik darjah.
- iii. bilangan kelas.

Semasa soalselidik guru tadika dijalankan, seorang guru dari setiap tadika di kawasan kajian telah diambil sebagai sampel. Oleh itu, seramai 15 orang guru tadika telah disoalselidik daripada 15 buah tadika tersebut.

b. Penduduk

Soalselidik penduduk bertujuan untuk mengumpul maklumat latarbelakang sosioekonomi, pendapat dan cadangan penduduk bagi mewujudkan tadika yang berkesan di kawasan kajian. Antara maklumat yang dikumpul ialah :

- i. bangsa dan agama.
- ii. umur dan bilangan anak.
- iii. tahap pendidikan tertinggi, kumpulan pekerjaan dan pendapatan bulanan isirumah.
- iv. pendapat dan cadangan penduduk.

Bagi soalselidik penduduk, seramai 120 orang responden telah dipilih secara persampelan berkelompok (*cluster sampling*) dan persampelan rawak mudah (*simple random sampling*). Pada peringkat persampelan berkelompok (*cluster sampling*), semua responden dikenalpasti di setiap tadika dan kawasan yang berhampiran tadika tersebut. Ini bagi memastikan responden yang mempunyai anak yang mengikuti tadika di kawasan kajian sahaja dipilih dalam soalselidik.

Bilangan sampel penduduk berjumlah 120 orang dibahagikan kepada 15 buah tadika. Kemudian, seramai 8 orang penduduk dipilih secara persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) dari setiap tadika dan kawasan yang berhampiran tadika tersebut.

b. Data Sekunder

Data sekunder dikumpul daripada sumber yang diterbitkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM), Jabatan Pendidikan Negeri Perak Darul Ridzuan (JPN) dan sebagainya. Sumber tersebut meliputi Rancangan Struktur Seri Manjung – Sitiawan (1998 – 2010), Rancangan Tempatan Seri Manjung – Sitiawan (1998 – 2010), laporan, garis panduan dan piawaian, kertas seminar, jurnal, prosiding, keratan akhbar, pelan, artikel daripada internet dan sebagainya.

iv. Analisis dan Penemuan

Data primer dan data sekunder yang diperolehi semasa peringkat pengumpulan maklumat, dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Perisian tersebut memudahkan analisis data dibuat secara jelas melalui penggunaan jadual kekerapan (*frequency table*) dan jadual silang (*cross-tabulation table*). Analisis yang dibuat meliputi:

- i. tahap penyediaan tadika di kawasan kajian.
- ii. latarbelakang sosioekonomi, pendapat dan cadangan penduduk.

i. Tahap Penyediaan Tadika

Analisis ini bertujuan untuk mengetahui tahap penyediaan tadika sedia ada di kawasan kajian. Analisis tahap penyediaan tadika meliputi :

- i. bilangan tadika.
- ii. bilangan kanak-kanak di tadika.
- iii. lokasi tadika dan jarak antara tadika dengan rumah.
- iv. keadaan fizikal tadika yang meliputi keluasan lot tadika dan penyediaan alat permainan di lot tadika.

Bagi mengukur tahap penyediaan tadika, semua aspek di atas dibandingkan dengan teori perancangan tadika di unit kejurangan dan piawaian perancangan tadika yang dikeluarkan oleh JPBD dan KPM.

ii. Latarbelakang Sosioekonomi, Pendapatan dan Cadangan Penduduk

Analisis ini bertujuan untuk mengetahui latarbelakang penduduk, tahap sosioekonomi, pendapat dan cadangan penduduk bagi mewujudkan tadika yang berkesan di kawasan kajian. Analisis terhadap penduduk meliputi :

- i. bangsa dan agama.
- ii. umur dan bilangan anak.
- iii. tahap pendidikan tertinggi, kumpulan pekerjaan dan pendapatan bulanan isirumah.

iv. pendapat dan cadangan penduduk.

v. Cadangan

Cadangan mewujudkan tadika yang berkesan di kawasan kajian dikemukakan berdasarkan penemuan kajian. Melalui cadangan tersebut, penyediaan tadika yang berkesan di kawasan kajian pada masa akan datang dapat diwujudkan.